

19 OCT 2001

REAKSI-MIA

"PEMUTUS LITAR" SEPATUTNYA DILAKSANAKAN LEBIH AWAL - MIA

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Persatuan Pelabur Malaysia (MIA) berkata pelaksanaan mekanisma "pemutus litar" dalam sistem perdagangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sepatutnya telah wujud lebih awal "untuk melicinkan dan menghalang sebarang kemudah ruapan di dalam urusan di BSKL".

Di dalam satu kenyataan di sini hari ini, presiden MIA Dr P.H.S Lim berkata MIA telah dengan aktif memggalakkan penggunaan pemutus litar sejak tahun 1997.

Konsep itu, katanya telah diperkenalkan di Bursa Saham New York selepas kejatuhan pasaran pada 17 Oktober 1987.

Semasa membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamed berkata kerajaan telah bersetuju melaksanakan mekanisme pemutus litar itu di BSKL sebagai sebahagian daripada usaha untuk memastikan kestabilan di dalam pasaran saham itu.

Mekanisme itu mempunyai keupayaan untuk memberhentikan aktiviti dagangan secara sementara apabila terdapat kejatuhan besar sesuatu hari dagangan itu.

Dr Mahathir berkata mekanisme itu akan memberikan para pelabur ruang bernafas sebelum aktiviti dagangan pasaran saham disambung dan ia juga bertujuan mengekalkan keyakinan pelabur dan pasaran, terutamanya di dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu.

Dr Lim berkata MIA melihat pengurangan satu peratus dalam kadar cukai perseorangan kepada 28 peratus dan menghapuskan sekatan hada pembayaran bonus akan menggalakkan perbelanjaan tempatan dan boleh meningkatkan kuasa pengguna sebanyak RM1 bilion. -- BERNAMA

NN SEL OS